

TINJAUAN TAHAP KEPUASAN AGENSI TERHADAP PERKHIDMATAN GALERI APLIKASI MUDAH ALIH KERAJAAN MALAYSIA (GAMMA) 2020

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,

YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

TINJAUAN TAHAP KEPUASAN AGENSI TERHADAP PERKHIDMATAN GALERI APLIKASI MUDAH ALIH KERAJAAN MALAYSIA (GAMMA) 2020

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, MAMPU telah melaksanakan projek Galeri Aplikasi Mudah Alih Kerajaan Malaysia (GAMMA) bermula pada tahun 2015. GAMMA merupakan inovasi perkhidmatan Kerajaan berasaskan teknologi mudah alih di bawah pelaksanaan Mobile Government yang bertujuan mempelbagaikan perkhidmatan Kerajaan melalui peranti pintar yang akan menyumbang kepada sistem penyampaian perkhidmatan berpaksikan rakyat. Sehingga 30 Oktober 2020, sebanyak 221 aplikasi mudah alih telah berjaya dimuat naik ke Portal GAMMA seperti mana dalam senarai [LAMPIRAN A](#).

3. Bagi tujuan pemantauan mutu penyampaian perkhidmatan Kerajaan, tinjauan soal selidik ini dijalankan untuk mendapat maklum balas berkaitan keberkesanan penyampaian perkhidmatan GAMMA dan ketersediaan setiap agensi Sektor Awam melaksanakan pembangunan aplikasi mudah alih. Sehubungan itu, perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk memberi maklum balas terhadap Soal Selidik ini melalui URL: <http://bit.ly/gamma2020>.

4. Setiap maklum balas yang diberikan adalah penting dan akan membantu pihak MAMPU memantau status pelaksanaan aplikasi mudah alih di agensi YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan. Kajian ini akan ditutup pada 20 Disember 2020 (Ahad). Sebarang pertanyaan mengenai pengisian borang Soal Selidik ini boleh diajukan kepada pegawai di bawah atau e-mel terus kepada supports-gamma@mampu.gov.my :

i) Puan Adawiyah binti Md Ashar (Telefon: 03-8872 5074; E-mel: adawiyah@mampu.gov.my);

ii) Encik Mohd Nazmir bin Abdul Munir (Telefon: 03-8872 6297; E-mel: nazmir@mampu.gov.my).